

### **KENYATAAN AKHBAR BERSAMA**

1. *Datuk Adzwan Ab Manas, Presiden, Malaysia Retail Electronic Cigarette Association (MRECA)*
2. *Shariffuddin Bujang, Pengarah Urusan, NSTY Worldwide Sdn Bhd*
3. *Zachary Oh, Pengarah Urusan, Vape Empire Distribution Sdn Bhd*
4. *Ridhwan Rosli, Setiausaha Agung, Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM)*
5. *Redzuan Rahim, Pengarah Urusan, Bangsawan Distribution Sdn Bhd*
6. *Mohd Sabri bin Ismail, Presiden, Persatuan Peniaga Vape Melayu Malaysia (PPVM)*
7. *Rizani Zakaria, Presiden, Malaysian Vape Industry Advocacy (MVIA)*
8. *James Tan, Pengarah Urusan, Gadget Union Distribution*
9. *Shamsul Bahri bin Ismail, Pengarah, The Vape69 Sdn Bhd*
10. *Mohd Firdaus, Pengarah Urusan, VV Venture Sdn Bhd*
11. *Md Sani bin Md Shah, Pengerusi, Pertubuhan Kebajikan Terkini Negeri Sembilan*

\*Senarai wakil industri tempatan yang menghadiri sesi libat urus bersama KKM pada 13 dan 14 April

## **INDUSTRI VAPE MENOLAK GEG**

### ***KKM JUGA DIMOHON TARIK BALIK SEKATAN DAN LARANGAN IMPORT VAPE NIKOTIN SECEPAT MUNGKIN***

**Kuala Lumpur, 17 April 2023** – Pemain-pemain industri vape tempatan hari ini menyatakan pendirian menolak cadangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk melaksanakan Generasi Penamat (GEG) untuk vape. Pada masa yang sama, industri turut memohon agar KKM mengambil tindakan untuk menarikbalik sekatan dan larangan import produk vape bernikotin sedia ada untuk membolehkan produk dapat diimport secara sah dan berbayar cukai.

Pada minggu lalu, Timbalan Menteri Kesihatan dan pegawai-pegawai KKM telah mengadakan suatu mesyuarat bersama wakil pemain industri tempatan untuk berbincang hala-tuju kawal selia setelah cecair vape bernikotin telah dikecualikan daripada Akta Racun untuk mula dikawal selia dan dicukaikan.

Dalam mesyuarat tersebut, pegawai-pegawai KKM menyatakan pendirian dan bertegas untuk melaksanakan cadangan GEG yang dicadangkan mantan menteri kesihatan sebelum ini walaupun ia telah menerima tentangan dari pelbagai pihak.

Pemain industri vape telah menolak cadangan tersebut kerana ia akan memberikan kesan kepada industri dan menyatakan bahawa lebih banyak kajian perlu dibuat sebelum sebarang keputusan dibuat.

Ini adalah selaras dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam sesi soal jawab di Parlimen baru-baru ini di mana kerajaan tidak boleh mengambil tindakan drastik pengharaman produk memandangkan ia digunakan dengan sangat meluas di negara ini dan kawal selia dengan pendekatan “sederhana” perlu dilaksanakan.

Industri turut menyarankan agar KKM mengambil pendekatan untuk melihat vape sebagai suatu produk yang kurang mudarat berbanding rokok untuk mengurangkan kadar perokok di negara.

Malah industri turut memberikan contoh langkah yang diambil di negara Britain baru-baru ini di mana kementerian kesihatan negara tersebut telah mengumumkan seramai 1 juta perokok di Britain akan diberikan kit permulaan produk vape untuk mengalakkan mereka menukar rokok kepada vape.

Pada masa yang sama, industri turut membangkitkan isu sekatan larangan import yang masih dikenakan KKM pada masa ini walaupun pengecualian vape bernikotin daripada Akta Racun dan pengenaan cukai ke atas produk vape telah dimulakan sejak 1 April 2023.

Baru-baru ini, industri telah dimaklumkan pihak berkuasa di Jabatan Kastam DiRaja Malaysia bahawa pengimportan produk vape bernikotin masih terlarang dan tidak dibenarkan oleh KKM dan walaupun ia telah dibangkitkan kepada pihak berkenaan di KKM, perkara ini masih tidak diselesaikan.

Langkah ini adalah tidak wajar dan ia adalah bertentangan dengan pengumuman Kerajaan untuk memulakan kawal selia percukaian ke atas produk vape yang telah mula sejak dua minggu lalu.

Industri memohon agar KKM mengambil langkah secepat mungkin untuk menarik balik sekatan tersebut selaras dengan permulaan kawal selia percukaian ke atas produk vape.